

Rafidah nafi pelabur bimbang melabur selepas Dr. Mahathir berundur

UM 30 JUN 2003

HUTAN MELINTANG 29
Jun — Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Datuk Seri Rafidah Aziz menafikan wujud kebimbangan pelabur-pelabur untuk melabur di negara ini selepas pengunduran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Oktober ini.

Katanya, beliau tidak mengetahui atau mendengar mengenai kebimbangan itu apabila berlakunya perubahan pucuk pimpinan yang akan diambil alih oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

“Mereka (pelabur) tahu Pak Lah (Abdullah) adalah daripada kabinet lama serta Timbalan Perdana Menteri dan beliau sendiri adalah Pengerusi Jawatankuasa Kabinet mengenai dava sasing negara.

“Pak Lah sendiri tahu apa yang kita lakukan ini adalah juga sebahagian daripada usaha beliau,” ujarnya da-

lam sidang akhbar selepas menghadiri majlis jamuan ‘Perpaduan Alaf Baru anjuran UMNO Bahagian Bagan Datoh di sini, semalam.

Rafidah tidak menafikan banyak andaian dibuat oleh pelbagai pihak bahawa selepas Dr. Mahathir mengundur diri Oktober ini, pelabur

mula merasa bimbang untuk melabur di negara ini.

Beliau menegaskan bahawa keadaan itu tidak mungkin berlaku kerana pelabur tahu sungguh pun pemimpin negara silih berganti namun dasar negara diteruskan dan tidak berubah memandangkan dasar yang sedia ada akan terus dibaiki mengikut peredaran masa.

Beliau berkata, kerajaan telah menyediakan suasana yang baik, insentif dan layanan kepada pelabur tempatan dan luar negara.

“Tidak ada apa yang perlu dibimbang, mereka sudah tahu dasar yang kita laksanakan,” ujarnya.

Beliau menambah kerajaan akan meneruskan segala program yang sedia ada antaranya termasuk menarik minat pelabur untuk terus melabur di negara ini.

Dalam ucapannya, Rafidah meminta semua lapisan masyarakat di negara ini bersatu bagi menyokong pucuk pimpinan baru nanti.